

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 JANUARI 2022  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 6

### PM puas hati pencapaian ECERDC tarik pelabur

4

Negara!

Kosmo/SABTU 29 JANUARI 2022

### PM puas hati pencapaian ECERDC tarik pelabur

**KUANTAN** — Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam melakukan lawatan kerja di Menara Kuantan 188 yang dibangunkan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dengan kerjasama kerajaan negeri.

Projek pelancongan ikonik di tengah bandar raya Kuantan itu menerima lebih 23,000 orang pelawat sejak dibuka secara rasmi pada 15 Disember 2021.

Ismail Sabri kemudian diberi taklimat berhubung pelancongan terkini yang dicadangkan ECERDC iaitu pelancongan kendaraan rekreasi (RV) yang mana kendaraan itu turut dipamerkan di pintu masuk menara.

Hadir sama Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail; Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yaakob dan Menteri Besar Terengganu, Datuk



ISMAIL SABRI (kiri) mempengerusikan mesyuarat Majlis Pembangunan ECER di Kuantan semalam.

Seri Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar.

Terdahulu, Ismail Sabri turut mempengerusikan mesyuarat Majlis Pembangunan ECER yang diadakan di Kompleks Bandaraya Kuantan, Pahang.

Dalam mesyuarat tersebut, beliau melahirkan rasa gembira kerana ECERDC telah mencatat banyak pencapaian dalam menarik pelaburan baharu, melaksanakan projek-projek pem-

bangunan serta mewujudkan peluang pekerjaan.

Katanya, pencapaian itu membuktikan sokongan oleh kerajaan dari segi projek-projek prasarana baharu strategik dan pelanjutan

insentif cukai adalah berkesan dalam meningkatkan daya saing wilayah Timur sebagai destinasi pelaburan pilihan.

ECERDC sehingga kini berjaya menarik pelaburan bernilai 13.4 bilion ringgit melebihi sasaran awal iaitu 12 bilion ringgit, yang ditetapkan pada tahun lalu.

Angka tersebut menunjukkan pencapaian tahunan tertinggi di bawah Pelan Induk ECER 2.0 (EMP 2.0) sejak 2018.

Pelaburan itu berpotensi mewujudkan lebih 11 ribu peluang pekerjaan baharu dan lebih 680 peluang keusahawanan untuk rakyat sekali gus memenuhi aspirasi Keluarga Malaysia.

Di bawah EMP 2.0, ECERDC menyasarkan pelaburan swasta sebanyak RM70 bilion menjelang 2025 dan kini berjaya menarik pelaburan sebanyak RM27.6 bilion.